

**TEKS PERASMIAN
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN
CO-OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**PELANCARAN HASANAH CAFÉ,
19 FEBRUARI 2022 (JUMAAT), JAM 9.00
PAGI, MASJID AL-HASANAH, BANDAR
BARU BANGI**

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
TA'ALLA WABARAKATUH DAN SALAM
KELUARGA KOPERASI**

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA
PROGRAM]**

**DATO'-DATO'/DATIN-DATIN/TUAN-
TUAN/PUAN-PUAN YANG DIHORMATI
SEKALIAN**

1. PERTAMANYA, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIANYA KITA BERPELUANG UNTUK HADIR DAN MENYAKSIKAN PELANCARAN HASANAH CAFE MILIK KOPERASI MASJID AL-HASANAH, DI BANGI PADA HARI INI.

2. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI, MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS ATAS PELANCARAN CAFE INI, YANG MENANDAKAN SATU LAGI PENINGKATAN AKTIVITI DAN KEJAYAAN PERNIAGAAN KOPERASI MASJID AL-HASANAH.

3. SAYA SANGAT BERBESAR HATI DAN TERIMA KASIH ATAS JEMPUTAN PIHAK ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE KOPERASI DAN SETERUSNYA MELANCARKAN CAFE HASANAH INI.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

4. CAFE SATU JENIS PERNIAGAAN YANG BOLEH MEMBERI KEUNTUNGAN

YANG STABIL DAN TINGGI DENGAN PELABURAN YANG MINIMUM DALAM MEMULAKAN PERNIAGAAN.

5. PERNIAGAAN CAFE DI PERKARANGAN MASJID MEMPUNYAI PROSPEK YANG BAIK, TEMPAT UNTUK JEMAAH MASJID DAN KARIAH BERKUMPUL, BERTEMU DAN BERBINCANG SELEPAS SOLAT SAMBIL MINUM-MINUM. INI SELARAS DENGAN BUDAYA MASYARAKAT KITA YANG SUKA 'MENGOPI' SAMBIL BERSEMBANG ISU-ISU SEMASA NEGARA DAN SETEMPAT. INI DAPAT MENERAT SILATURAHIM DAN UKHWAH MASYARAKAT DI SETEMPAT DI SINI.

6. DITAMBAH LAGI DENGAN BILANGAN JEMAAH YANG MENGGUNAKAN MASJID AL-HASANAH ANTARA YANG POPULAR DAN STRATEGIK DI BANDAR BARU BANGI INI. INI MERUPAKAN PROSPEK YANG BAIK UNTUK CAFE INI BERKEMBANG DENGAN JAYANYA. LOKASI CAFE INI SANGAT BAIK MELIBATKAN TEMPAT AWAM YANG

MELIBATKAN ALIRAN PENGUNJUNG DAN PENGGUNA MASJID BERTERUSAN MEMBOLEHKAN PENETAPAN HARGA MAKANAN BERPATUTAN DAN MEMPUNYAI KESAN POSITIF KE ATAS KEUNTUNGAN.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

7. ANGKASA SEDANG BERUSAHA MENGGALAKKAN KOPERASI, TERUTAMANYA KOPERASI KARIAH MASJID TERLIBAT DENGAN PROJEK BA100. BA100 MERUPAKAN PROJEK NASIONAL YANG TELAH DILULUSKAN OLEH PERDANA MENTERI DAN MENJADI NADI KEPADA PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI GERAKAN KOPERASI OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN YANG DIGERAKKAN SECARA BERSAMA OLEH ANGKASA, SKM DAN IKM.

8. RANCANGAN PEMBANGUNAN PROGRAM BA100 TELAH BERMULA SEJAK 2019 BAGI MENCAPAI MATLAMAT EKONOMI DAN ANGGOTA KOPERASI

KHUSUSNYA DALAM SEKTOR PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN.

9. PADA TAHUN INI, PROGRAM BA100 MENSASARKAN PEROLEHAN SEBANYAK RM7.2 BILLION MELALUI PEMBEKALAN KEPADA 3,000 KEDAI KOPERASI DAN ANGGOTA KOPERASI YANG MENJALANKAN AKTIVITI PERUNCITAN. INI DAPAT DILAKUKAN DENGAN MENSASARKAN SEKURANG – KURANGNYA 1 OUTLET BERFUNGSI SEBAGAI KEDAI COOPMART DI SETIAP DUN YANG AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA 3,000,000 PENGGUNA.

10. SAYA MEMPELAWA KOPERASI KARIAH MASJID AL-HASANAH UNTUK TURUT SERTA DALAM PROJEK INI UNTUK MENDAPAT MANFAAT YANG SEDIAKAN.

11. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH ATAS PELANCARAN CAFE INI. SEMOGA PERNIAGAAN INI MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DAN MENJADI PILIHAN UTAMA KOMUNITI BANGI.

SAYA DENGAN SUKACITANYA DAN LAFAZ
BISMILLAH HIRRAHMANIR RAHIM
merasmikan PELANCARAN HASANAH CAFE
KOPERASI MASJID AL-HASANAH.

SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK
WAL HIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.